

## **Penasihat Akademik**

Tuan Khairul Adhar Bin Tuan Kub & Nur Qistina Bte Abdullah

Penasihat akademik di universiti mempunyai peranan yang serupa dan hampir sama dengan bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Proses bimbingan dan kaunseling adalah suatu keperluan utama dalam sistem pendidikan di peringkat rendah atau pun di peringkat menengah. Di peringkat sekolah guru kaunseling dipertanggungjawabkan untuk membantu pelajar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka, manakala di peringkat universiti, sistem bimbingan dan kaunselingnya adalah lebih kecil skopnya iaitu seorang pensyarah yang digelar penasihat akademik bertanggungjawab kepada beberapa orang pelajar. Walau apapun juga istilah yang digunakan sama ada guru kaunseling, kaunselor, ataupun penasihat akademik, tujuannya adalah masih sama iaitu untuk membantu dan memberi nasihat kepada pelajar apabila menghadapi konflik yang tidak dapat diselesaikan sendirian.

Masalah-masalah yang wujud di kalangan pelajar-pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi adalah memerlukan rancangan bimbingan dan kaunseling yang berkesan dan efektif. Bimbingan ialah proses ikhtisas yang bersistem untuk menolong orang perseorangan melalui aturan-aturan didikan dan tafsiran bagi memperoleh fahaman yang lebih baik tentang sifat tabiinya dan keupayaannya sendiri serta menghubungkan dirinya dengan lebih memuaskan kepada kehendak masyarakat dan peluang yang bersesuaian dengan nilai kemasyarakatan dan kesusilaan.

Sistem penasihat akademik di Universiti Teknologi Malaysia telah dilaksanakan serentak dengan pelaksanaan sistem semester pada sesi 1982/1983 (Zarina Hussin, 1994). Penasihat Akademik yang telah dilantik memainkan peranan dalam memberi tunjuk ajar secara menyeluruh berkaitan dengan sistem akademik dan perancangan semester.

Menurut Buletin P&P (2006), Sistem Penasihat Akademik Pelajar merupakan saluran perhubungan sistematik bagi pelajar mendapatkan bimbingan dan nasihat berkaitan dengan hal-hal akademik dan yang berkaitan dengannya dalam usaha melahirkan golongan pelajar yang cemerlang dan bertanggungjawab. Menurut Tuan Baharom Mahmood (1996) pula, menyatakan bahawa penasihat akademik bermaksud satu saluran perhubungan yang

bersistematik bagi pelajar mendapatkan bimbingan dan nasihat yang berkaitan dengan hal ehwal akademik dan yang berkaitan dengannya dalam usaha untuk melahirkan golongan pelajar yang cemerlang dan bertanggungjawab.